



Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)

Volume 3, Issue 4, August 2018

e-ISSN : 2504-8562

Journal home page:
www.msocsciences.com

Tanah Rizab Melayu di Ambang Kepupusan?

Mohamed Khairi Termizi¹, Mazlan Ismail¹

¹Ghazali Shafie Graduate School of Government (COLGIS), Universiti Utara Malaysia (UUM)

Correspondence: Mohamed Khairi Termizi (khairy_282@yahoo.com)

Abstrak

Pelbagai dakwaan telah dibuat mengenai kepupusan Tanah Rizab Melayu di negara ini. Sebelum merdeka, penyusutan keluasanya adalah disebabkan oleh pengambilan tanah oleh kerajaan kolonial British untuk perlombongan, pembukaan kampung-kampung baru semasa ancaman komunis serta aktiviti penggadaian dan penjualan tanah oleh orang Melayu kepada bukan Melayu. Selepas merdeka, kepupusannya dikaitkan pula dengan aktiviti pengambilan tanah oleh kerajaan melalui Akta Pengambilan Tanah 1960. Kajian ini merupakan kajian analisis kandungan yang melibatkan bahan-bahan yang diperoleh daripada sumber teks sekunder dan dapatan kajian terdahulu. Penekanan diberikan kepada menganalisis statistik keluasan Tanah Rizab Melayu di negara ini. Hasil analisis mendapati dakwaan mengenai trend penyusutan Tanah Rizab Melayu adalah kurang tepat dan mengelirukan. Manakala analisis mengenai keluasanya pula, kajian mendapati bahawa peratus keluasan sebenar Tanah Rizab Melayu pada tahun 2009 adalah 30.13 peratus dan bukannya 11.83 peratus sebagaimana yang didakwa. Peratus keluasan tersebut terus meningkat pada tahun 2013 kepada 31.85 peratus. Analisis juga mendapati terdapat kekeliruan maklumat mengenai keluasan sebenar Tanah Rizab Melayu di negara ini.

Kata kunci: tanah rizab Melayu, keluasan tanah, statistik keluasan, trend penyusutan, kepupusan tanah

Malay Reservation Land on the Verge of Extinction ?

Abstract

Various claims have been made about the extinction of Malay Reservation Land in the country. Before independence, the land depreciation was due to the acquisition of land by the British colonial government for mining, opening of new villages during the communist threat and the mortgage and sale activities by the Malay landowners to non-Malays. After independence, land depreciation linked with the acquisition of land by the government through the Land Acquisition Act, 1960. This study is a content analysis study involving material derived from the secondary source text and earlier research findings. Emphasis is given to analyze the statistical size of Malay Reservation Land in the country. Results show that the allegations regarding the depreciation trend of the Malay Reservation Land is inaccurate and misleading. While the analysis of the size of the Malay Reservation Land found that the actual percentage of Malay Reservation Land in 2009 was 30.13 percent instead of 11.83 percent as claimed. The percentage grew steadily in 2013 to 31.85 percent. The analysis also found that there was confusion about the actual size of Malay Reservation Land in the country.

Keywords: Malay reservation land, land size, acreage statistics, depreciation trend, extinction of land

Pengenalan

Tanah Rizab Melayu (TRM) telah diperkenalkan oleh British melalui Enakmen Rizab Melayu 1913 (ERM 1913) (kemudiannya dipinda pada tahun 1933) yang berkuatkuasa mulai 1 Januari 1914. Enakmen ini adalah khusus untuk Negeri-Negeri Melayu Bersekutu yang terdiri daripada Selangor, Perak, Pahang, Negri Sembilan dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Negeri Perak merupakan negeri pertama yang menguatkuasakan ERM di mana sebanyak 13 kawasan di daerah Larut dan Matang telah dijadikan TRM pada 5 Jun, 1914. Penguatkuasaan enakmen rizab Melayu kemudiannya disusuli oleh Negeri-Negeri Melayu Tak Bersekutu, iaitu Enakmen Rizab Melayu Kelantan 1930, Enakmen Rizab Melayu Kedah 1931, Enakmen Rizab Melayu Perlis 1935, Enakmen Rizab Melayu Johor 1936 dan Enakmen Rizab Melayu Terengganu 1941.

Pembentukan enakmen-enakmen tersebut adalah bagi memastikan orang Melayu memiliki tanah dan tidak menjadi gelandangan di negara sendiri. Selain itu, enakmen tersebut juga diwujudkan bertujuan untuk melindungi tanah milik orang Melayu yang kebanyakannya miskin, daripada bertukar tangan kepada orang bukan Melayu yang kaya terutama di kawasan bandar. Oleh itu, tanah yang diberi milik di bawah terma rizab Melayu mempunyai beberapa batasan dan sekatan yang antaranya, pemilik tanah tersebut di larang daripada melupuskan tanah mereka kepada bukan Melayu (Gomez, 2003). Terma tersebut selaras dengan matlamat utama TRM ditubuhkan iaitu memastikan supaya setiap tanah tersebut kekal penguasaannya oleh orang Melayu (Muhammad Said, 1995). Oleh yang demikian, TRM merupakan salah satu hak jaminan keistimewaan orang Melayu sepertimana yang termaktub dalam Fasal 86 Perlembagaan Persekutuan.

Sungguhpun hak dan jaminan terhadap pemilikan TRM dalam kalangan orang Melayu dilindungi di bawah ERM negeri-negeri, namun sejak kebelakangan ini banyak rungutan di suarakan oleh para sarjana dan pemimpin-pemimpin masyarakat berhubung isu keluasan TRM di negara ini. Utusan Malaysia (17 September, 2014) memetik pandangan Dr. Mohd. Hasrol Haffiz Aliasak, pensyarah Universiti Teknologi Mara (UiTM) mengenai isu ini. Menurut beliau keluasan TRM semakin lama semakin mengecil iaitu daripada 3.1 juta hektar (23.92 peratus) pada tahun 1931 kepada 1.57 juta hektar (11.99 peratus) pada tahun 2009. Menurut laporan akhbar tersebut juga, kajian Dr. Mohd. Hasrol Haffiz Aliasak mendapati jumlah keluasan TRM juga pernah mencatatkan angka yang cukup rendah iaitu 1.30 juta hektar (9.9 peratus) pada tahun 1983.

Ancaman kemerosotan keluasan TRM juga disuarakan oleh Pensyarah Sains Politik Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Profesor Madya Datuk Dr Mohammad Agus Yusoff sebagaimana yang dilaporkan oleh Sinar online (23 September, 2015). Menurut beliau pada tahun 1931, keluasan TRM adalah 3,149,225 hektar dan telah berkurang menjadi 1,578,263.91 hektar pada tahun 2009 iaitu bersamaan dengan 11.9 peratus sahaja. Di antara puncanya ialah, apabila berlaku pelupusan tanah berstatus TRM sama ada tanah milik kerajaan ataupun pengambilan tanah milik individu, kebanyakan tanah yang diambil itu tidak diganti semula sebagaimana yang dikehendaki oleh ERM berkenaan.

Selain itu, Profesor Madya Datuk Dr Mohammad Agus Yusoff turut mendapati bahawa kelemahan pengurusan di peringkat kerajaan negeri dalam menguruskan TRM telah menyebabkan banyak tanah berstatus TRM tidak diganti semula selepas dilupuskan statusnya. Secara khusus, beliau mengambil contoh apa yang berlaku di negeri Perak di mana pada satu ketika pernah mencatatkan keluasan TRM sebanyak 1.4 juta hektar pada tahun 1921 telah menyusut kepada 309,051 hektar pada tahun 2009. Beliau seterusnya merumuskan bahawa terdapat trend penyusutan TRM akibat daripada terdapat banyak TRM yang telah dibatalkan status untuk tujuan pembangunan dan tindakan menggantikan tanah tidak dilakukan secara serta-merta (Sinar online, 23 September, 2015).

Manakala Profesor Pelawat Universiti Pertanian Malaysia (UPM) dan Universiti Teknologi Mara (UiTM), Prof. Datuk Dr. Nik Mohd. Zain Nik Yusof pula sebagaimana yang di laporkan di dalam N9Kini (27 Oktober, 2015) mendakwa bahawa keluasan TRM hanya tinggal 3.6 juta hektar (20

peratus). Menurut beliau, perkara tersebut berlaku disebabkan kegagalan orang Melayu mempertahankan tanah rizab mengikut Perkara 89 Perlembagaan Persekutuan iaitu 'Memperkukuhkan Enakmen Rizab Melayu Negeri-Negeri'. Menurutnya kegagalan paling jelas adalah tanah-tanah rizab dirampas dengan mudah oleh orang asing. Selain itu orang Melayu dikatakan tidak tahu bahawa semua TRM yang dibatalkan statusnya kerana digunakan oleh kerajaan negeri, perlu diganti semula dengan kawasan yang berkeluasan sama dengan tanah yang diambil.

Sebaliknya dalam isu ini, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar telah menafikan dakwaan tentang kemerosotan keluasan TRM (Bernama, 26 Mei 2016). Menurut beliau dakwaan mengenai kemerosotan kawasan TRM dibuat oleh banyak pihak tanpa merujuk kepada agensi kerajaan yang berkaitan iaitu Jabatan Ketua Pengarah Tanah & Galian Persekutuan (JKPTG). Beliau mengakui bahawa terdapat TRM yang diambil serta dibangunkan oleh kerajaan, tetapi pengambilan tersebut diganti di tempat lain dan tidak diketahui umum. Beliau menambah bahawa hakikatnya, TRM di negara ini meningkat 30 peratus kepada 1.93 juta hektar pada tahun 2013 berbanding keluasan tahun 1997. Kenyataan beliau itu selaras dengan kenyataan oleh Mohd Azhar Jamaluddin Ahli Dewan Undang Negeri Changkat Jong, Perak, yang menyatakan bahawa negeri Perak telah menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan dalam keluasan TRM (Perak Hari ini, 9 Disember 2015). Ini dibuktikan melalui rekod keluasan TRM yang dikeluarkan oleh Pejabat Tanah dan Galian negeri Perak (PTG Perak) sehingga 31 Oktober 2014 adalah seluas 913,981.83 hektar, berbanding 685,000.00 hektar pada 31 Disember, 2008.

Di dalam isu keluasan TRM ini juga, DYMM Paduka Seri Sultan Perak, Sultan Dr Nazrin Muizzuddin Shah mengingatkan rakyat tentang harapan Raja-Raja Melayu tentang pemilikan tanah 50 peratus kekal kepada orang Melayu. Titah baginda tersebut telah dilaporkan oleh Shah Anwar Ridhwan (BH online, 12 Januari, 2016) dalam rencana bertajuk 'Pertahan Tanah Rizab Melayu'. Baginda seterusnya menyatakan bahawa rakyat selama ini alpa terhadap kepentingan TRM dengan melepaskannya kepada kapitalis untuk membangunkan TRM menurut selera mereka. Baginda melahirkan kebimbangan sekiranya tiada agensi khas ditubuhkan bagi menangani isu TRM, lama kelamaan TRM hanya tinggal perca sebelum luput sama sekali. Ironinya, setelah sekian lama ERM 1913 dan ERM negeri-negeri lain dikuatkuasakan, keluasan TRM pada masa kini tidak pernah mencapai sasaran 50 peratus sebagaimana yang diwasiatkan oleh raja-raja Melayu. Kajian Dr. Mohd. Hasrol Haffiz Aliasak menunjukkan bahawa keluasan TRM hanya tinggal kira-kira 12 peratus sahaja (Utusan Malaysia, 17 September, 2014).

Kenyataan-kenyataan yang dikeluarkan oleh pelbagai pihak telah menimbulkan keraguan berhubung kesahihan status keluasan TRM masa kini. Ini kerana beberapa pengkaji dengan tegas mengatakan bahawa terdapat trend kemerosotan keluasan TRM di negara ini. Dakwaan mereka ini adalah berdasarkan statistik keluasan TRM yang diperoleh daripada agensi yang terlibat dengan penguatkuasaan ERM di negara ini. Namun begitu, dakwaan mengenai kepupusan keluasan TRM dinafikan oleh Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Malaysia yang seterusnya mendakwa keluasan TRM di negara ini tidak merosot. Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan untuk menyiasat status keluasan TRM di negara ini dan seterusnya mengenal pasti trend penyusutan keluasan TRM sebagaimana yang didakwa. Cadangan akan dikemukakan dalam usaha memantapkan pengurusan keluasan TRM serta meningkatkan ketelusan dalam pelaporan statistik keluasan TRM di negara ini. Tujuannya adalah bagi memastikan supaya tidak wujud sebarang kekeliruan yang ditimbulkan dalam membincangkan isu ini pada masa hadapan.

Kaedah Pengisytiharan Tanah Rizab Melayu

Perlembagaan Persekutuan Malaysia di bawah Perkara 89 (1) secara jelas memperuntukkan bahawa mana-mana tanah yang telah diwartakan sebagai TRM sebelum Hari Merdeka 31 Ogos 1957, akan terus tertakluk kepada peruntukan Enakmen Rizab Melayu (ERM) negeri-negeri tersebut. Menurut Ismail (2015), peruntukan ini bertujuan untuk mengesahkan kewujudan TRM dan seterusnya melindungi kepentingannya. Selepas kemerdekaan, pewartaan tanah sebagai TRM umumnya dilakukan ke atas tanah kerajaan, tanah hutan simpan, tanah rizab awam dan tanah milikan individu. Namun begitu, sebelum sesebuah bidang tanah itu boleh diisytiharkan sebagai rizab Melayu ia perlu mematuhi

beberapa syarat sebagaimana yang diperjelaskan oleh Azima *et al* (2015). Di antara syarat-syarat tersebut adalah:

- i. Hanya tanah yang belum dimajukan (*not developed*) atau dicucuk tanam (*cultivated*) sahaja yang boleh diisytiharkan sebagai rizab Melayu. Ini termaktub dalam Perkara 89 (2) Perlembagaan Persekutuan.
- ii. Sekiranya terdapat kawasan baru diisytiharkan sebagai rizab Melayu, maka satu kawasan baru yang belum di majukan (*not developed*) atau dicucuk tanam (*cultivated*) perlu disediakan untuk diberi milik kepada orang ramai termasuk orang Melayu. Kawasan baru tersebut mestilah sama luasnya dengan kawasan yang telah dijadikan rizab Melayu. Perkara ini juga termaktub dalam Perkara 89 (2) Perlembagaan Persekutuan.
- iii. Sekiranya terdapat mana-mana kawasan rizab Melayu itu dibatalkan sama ada keseluruhan atau sebahagian daripadanya sahaja maka satu kawasan lain di dalam negeri itu yang sama jenis (*similar in character*) dan sama luasnya dengan kawasan yang dibatalkan itu hendaklah serta merta diisytiharkan sebagai ganti. Sekiranya tiada gantian tanah dilaksanakan maka pembatalan kawasan rizab Melayu tersebut adalah tidak sah dan terbatal. Perkara ini jelas tertera dalam perkara 89 (3) Perlembagaan Persekutuan.
- iv. Sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Perkara 89 (4) Perlembagaan Persekutuan, mana-mana tanah yang dimiliki dan diduduki oleh orang bukan Melayu atau orang bukan Melayu mempunyai hak atau kepentingan ke atas sesuatu tanah tersebut maka ia tidak boleh diisytiharkan sebagai rizab Melayu.
- v. Bagi maksud Enakmen Rizab Melayu Kedah, tanah bandar atau tanah yang termasuk dalam kawasan perbandaran (*sanitary board*), tidak boleh diisytiharkan sebagai rizab Melayu.
- vi. Di bawah Enakmen Rizab Melayu Terengganu, hanya tanah bandar atau tanah pekan sahaja yang boleh diisytiharkan sebagai rizab Melayu.
- vii. Mana-mana kawasan yang telah diisytiharkan sebagai rizab Melayu hendaklah kekal sebagai rizab Melayu melainkan ianya diisytiharkan dan diwartakan sebagai batal oleh pihak berkenaan.

Selain itu, Azima *et al* (2015) juga menjelaskan mengenai tiga kategori TRM yang wujud di negara ini. Ketiga-tiga ketegori tersebut adalah Rizab Melayu (Enakmen Rizab Melayu); Tanah Melayu (diberi milik), iaitu terdiri daripada tanah-tanah yang sudah dibuka melebihi 40 tahun atau tanah-tanah yang tinggal yang diduduki oleh kaum Melayu; dan Tanah Pertanian Melayu mengikut Enakmen Tanah 1987 (*Malay Agricultural Settlement*). Dari sudut pemilikannya, ketiga-tiga tanah tersebut mempunyai sekatan yang tidak boleh ditukar milik atau dijual kepada orang bukan Melayu. Malah bagi kategori tanah kedua, iaitu Tanah Melayu (diberi milik), mempunyai syarat yang lebih ketat di mana kedudukan tanah ini disebut sebagai "*the land hereby alienated shall not be transferred to or occupied by non Malay*" (Ruslin, 1993).

Faktor Kepupusan Tanah Rizab Melayu

Beberapa pengkaji terdahulu telah menyenaraikan faktor-faktor yang menyebabkan keluasan TRM menyusut. Kajian Voon (1976) mendapati bahawa bagi kawasan pertanian, isu pelupusan TRM merupakan isu utama semenjak tahun 1900an apabila aktiviti pertanian komersial seperti getah dan kelapa sawit diperkenalkan oleh British. Sejak pertanian komersial tersebut diperkenalkan, banyak kawasan pertanian tersebut diperoleh sama ada melalui pengasingan tanah kerajaan atau pembelian tanah daripada pemilik Melayu. Manakala bagi TRM di kawasan bandar pula, terdapat banyak pertukaran pemilikan tanah daripada pemilik perseorangan kepada pelabur-pelabur yang menyebabkan ramai pemilik TRM berpindah ke kampung setelah terpaksa menjual tanah mereka (Nik Abdul Rashid, 1993; Salleh Buang, 2004). Selain itu, Shahrom (2013) mendakwa bahawa semenjak tahun 1940 sehingga semasa sebelum merdeka, keluasan TRM telah menunjukkan trend menyusut akibat daripada kegiatan melombong bijih timah sebagai sumber ekonomi negara. Pemberontakan komunis dalam

tahun 1950an juga telah menyebabkan banyak kawasan TRM yang diambil dan dijadikan kampung baharu bagi penempatan masyarakat Cina (Ahmad Nazri, 1985).

Kepupusan TRM juga berpunca daripada kewujudan golongan kapitalis berpengaruh yang memonopoli dalam pembangunan tanah dan sektor pertanian komersial (Frankema, 2006). Pemonopolian ini menyebabkan orang Melayu mempunyai peluang yang tipis di dalam perkongsian faedah ekonomi serta keuntungan daripada pembangunan tersebut dan kebanyakan mereka lebih rela tanah mereka dilupuskan secara rela hati atau pun dijual secara terpaksa. Selain itu, kajian Shal (2003) mendapati bahawa kepupusan TRM juga berpunca daripada konsep 'kelaparan tanah' (*land hunger*) kerana pembangunan tanah adalah ditentukan oleh mekanisme penawaran tanah. Konsep 'kelaparan tanah' ini merujuk kepada aktiviti pengambilan tanah oleh golongan kapitalis untuk tujuan pembangunan komersial dan ia juga bermaksud sebagai pengorbanan kawasan tanah tertentu demi projek pembangunan (Asiah, 2006). Di dalam isu ini Shal (2003) menjelaskan bahawa semakin kurang bekalan tanah di kawasan bandar maka semakin cepat urusan dilakukan bagi mendapatkan kawasan baru di kawasan luar bandar oleh para pelabur dan golongan kapitalis.

Kajian Azima *et al* (2015) pula mendapati bahawa pelupusan kawasan TRM juga berlaku akibat daripada faktor sikap orang Melayu terhadap tanah yang mana sering berlaku perebutan tanah dalam kalangan waris-waris pemilik asal TRM. Perebutan yang berlaku seringkali berkesudahan dengan penjualan atau pelupusan tanah-tanah warisan. Orang Melayu juga sering dikaitkan dengan dengan isu penjualan atau pelupusan tanah-tanah warisan sejak dari dahulu lagi. Pemikiran kuno yang mencengkam sikap orang Melayu ini telah menyebabkan berlakunya penjualan atau pelupusan tanah-tanah warisan tersebut. Di dalam isu ini, Mohd Hasrol Haffiz (2008) dan Hamzah *et al* (2013) turut mendapati bahawa orang Melayu sejak turun temurun sudah sebat dengan amalan urusan niaga dan jual janji tanah. Mereka yang kesempitan wang sama ada untuk membangunkan tanah mereka atau untuk tujuan peribadi seringkali menggadai tanah kepada sesiapa saja, dengan satu perjanjian untuk mengambil balik cagaran jual janjinya setelah semua hutangnya dilunaskan. Akibatnya, kebanyakan pinjaman yang dibuat gagal dilunaskan dan majoriti tanah yang digadai itu telah terlepas ke tangan pemberi pinjaman melalui tindakan mahkamah (Hamzah *et al*, 2013).

Faktor terpenting berlakunya kepupusan TRM adalah akibat daripada tindakan pengambilan tanah secara paksa yang dilakukan oleh kerajaan negeri (Hamzah *et al*, 2013 & Shahrom, 2013). Perkara 13 Perlembagaan Persekutuan menjamin hak pemilikan harta dan sebarang tindakan pelucutan harta hanya boleh dilakukan mengikut undang-undang dan dengan membayar pampasan yang mencukupi (Noor 'Ashikin *et al*, 2011). Oleh yang demikian, untuk tujuan pengambilan tanah, kerajaan telah melulus dan mengguna pakai Akta Pengambilan Tanah 1960 (APT 1960). Melalui APT 1960 ini, kerajaan boleh melaksanakan proses pengambilan balik tanah dan membayar pampasan yang mencukupi kepada pihak yang terlibat.

Seksyen 3 APT 1960 memberi kuasa kepada kerajaan negeri untuk mengambil tanah termasuk TRM sekiranya ia diperlukan untuk sesuatu kemudahan awam; untuk mana-mana orang atau badan bagi apa-apa maksud yang pada pendapat kerajaan negeri adalah berfaedah untuk pembangunan ekonomi Malaysia atau mana-mana bahagian daripadanya atau kepada orang ramai amnya atau mana-mana kelas orang ramai; atau untuk tujuan perlombongan atau kediaman, pertanian, perdagangan, industri atau tujuan rekreasi ataupun kombinasi daripada tujuan-tujuan tersebut. Kemudahan awam yang dimaksudkan adalah projek kepentingan masyarakat umum seperti jalanraya, hospital, sekolah dan sebagainya. Disebabkan oleh kepesatan pembangunan ekonomi dan bertambahnya agensi kerajaan yang diswastakan, maka APT 1960 telah dipinda bagi memudahkan proses pembangunan dilaksanakan oleh sama ada pihak kerajaan atau swasta demi memberi manfaat kepada masyarakat umum (Noor 'Ashikin *et al*, 2011).

Kewujudan APT 1960 memberi ransangan ke atas pembangunan tanah termasuk TRM. Ini kerana selepas negara mencapai kemerdekaan fokus politik dan ekonomi dalam negara telah bertukar ke arah paradigm baru. Di dalam kajian Shahrom (2013), beliau menyatakan bahawa negara telah meletakkan agenda pembangunan ekonomi melebihi daripada segala agenda lain. Agenda pembangunan ekonomi tersebut menyebabkan sumber tanah menjadi faktor penting yang perlu di terokai. Kebanyakan tanah

persendirian termasuk berstatuskan TRM telah terpaksa memberi laluan kepada pengambilan tanah secara paksa ini demi mencapai hasrat menyediakan produk dan perkhidmatan untuk kepentingan awam.

Hamzah *et al* (2013) dalam kajiannya juga mendapati kegiatan pengambilan tanah secara paksa telah berlaku bukan sahaja di kawasan luar bandar malah ia berlaku juga di kawasan bandar. Kajian oleh Tengku Hadi (1996) mendapati bahawa pengambilan tanah di bawah APT 1960 ini telah berlaku di kawasan-kawasan pembangunan *hot spot* seperti Langkawi, Ipoh, Johor Bharu dan Pulau Redang. Selain itu, APT 1960 juga digunakan untuk proses pengambilan tanah bagi tujuan pembangunan perumahan dan rumah kedai. Ia kerap berlaku di atas kawasan TRM yang terletak di tempat strategik seperti di bandar-bandar, pusat bandar dan kawasan pembangunan baru. Pengambilan tanah di kawasan-kawasan tersebut menyaksikan transaksi harga TRM yang menarik (Salleh, 2003 & Salleh, 2007). Sungguhpun amalan pengambilan tanah TRM secara paksa oleh kerajaan akan menyebabkan orang Melayu tersisih daripada mengecapi faedahnya, namun ia masih berlaku sehingga kini. Ini kerana pengambilan tanah tersebut dilakukan atas rangsangan kebanjiran pembangunan ekonomi yang di gerakkan oleh peraturan mekanisme pasaran (Shahrom, 2013).

Di dalam isu pembatalan tanah, pengambilan tanah dan penggantian TRM ini, statistik tahun 2008 (Parliamentary session (Dewan Negara), March 2011) sebagaimana di Jadual 1 dapat menjelaskan kedudukan tersebut (Shahrom, 2013). Diperhatikan bahawa secara umumnya pada tahun 2008, kerajaan telah membatalkan status TRM seluas 104,820.68 hektar dan telah mengambil balik kawasan TRM seluas 19,106.34 hektar untuk pembangunan ekonomi dan penyediaan kemudahan awam. Namun begitu bagi tahun yang sama juga, keluasan TRM yang diganti hanya 12,904.06 hektar yang bersamaan dengan 10.41 peratus sahaja.

Jadual 1: Pembatalan, pengambilan dan penggantian TRM tahun 2008

Negeri	Batal	Ambil	Ganti	Keluasan TRM
Johor	-	-	-	195,262.42
Kedah	2,986.39	-	1,701.58	868,821.05
Kelantan	-	18,318.90*	-	1,493,130.40
Negeri Sembilan	96,499.86	-	9,033.16	240,741.17
Pahang	-	194.25	194.25	424,743.83
Perak	157.25	-	1,365.83	881,366.78
Perlis	17.06	542.69*	533.82	37,322.60
Selangor	5,102.55	-	-	126,227.34
Terengganu	57.57	-	75.43	118.21
Kuala Lumpur	-	50.50*	-	803.43
Melaka	Tiada TRM	Tiada TRM	Tiada TRM	-
Pulau Pinang	Tiada TRM	Tiada TRM	Tiada TRM	-
Jumlah	104,820.68	19,106.34	12,904.06	4,268,537.23

Sumber: Parliamentary session (Dewan Negara), March 2011

*Status TRM dikekalkan

Keluasan Tanah Rizab Melayu

Menurut Bashiran Begum & Nor Asiah (2007), semasa negara menuju kemerdekaan, keluasan TRM adalah sekitar 1.7 juta hektar. Ini dapat dilihat melalui statistik yang ditunjukkan di dalam Jadual 2 yang memberikan data yang spesifik berhubung keluasan TRM sejak tahun 1921 hingga tahun 1955. Data yang ditunjukkan oleh Ahmad Nazri (1985) menunjukkan bahawa keluasan TRM selepas ERM dikuatkuasakan adalah seluas 845,196 hektar iaitu bersamaan dengan 11.81 peratus berbanding keluasan negeri-negeri yang menguatkuasakan ERM ketika itu iaitu Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang berjumlah 7,155,729 hektar. Pada tahun 1931, keluasan TRM terus meningkat kepada 1,274,474 hektar dan melalui perbandingan yang dibuat dengan keluasan negeri-negeri yang

mempunyai ERM telah menunjukkan bahawa peratus keluasan TRM telah meningkat kepada 17.81 peratus.

Di dalam Jadual 2 ini juga dapat dilihat bahawa statistik keluasan TRM pada tahun 1947 telah mengambil kira lima lagi negeri-negeri yang menguatkuasakan ERM mereka sendiri itu negeri Johor, Kedah, Kelantan, Perlis dan Terengganu. Pada ketika ini keluasan keseluruhan negeri-negeri yang menguatkuasakan ERM adalah seluas 12,911,593 hektar. Kemasukan lima lagi negeri yang menguatkuasakan ERM telah meningkatkan keluasan TRM di negara ini kepada 2,422,720 hektar iaitu bersamaan dengan 18.76 peratus berbanding keluasan semua negeri-negeri tersebut. Namun begitu keluasan TRM telah menyusut kepada 1,757,883 hektar pada tahun 1955, iaitu bersamaan dengan 13.61 peratus. Penyusutan keluasan sebanyak 27.44 peratus tersebut melibatkan enam buah negeri yang terdiri daripada negeri Perlis, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Pahang dan Kedah.

Jadual 2: Keluasan Tanah Rizab Melayu Tahun 1921 hingga 1955

Negeri	Keluasan Negeri (Hektar)	Keluasan TRM (Hektar) 1921	KELUASA N TRM (Hektar) 1931	Keluasan TRM (Hektar) 1947	Keluasan TRM (Hektar) 1955
Johor	1,898,688.00	-	-	49,985	80,585
Kedah	942,500.00	-	-	808,162	127,804
Kelantan	1,510,462.00	-	-	127,785	717,879
N.Sembilan	665,709.00	187,069	208,421	237,259	39,472
Pahang	3,596,500.00	54,005	275,479	299,393	218,326
Perak	2,100,500.00	567,619	703,647	737,126	523,031
Perlis	79,500.00	-	-	37,165	5,028
Selangor	793,020.00	36,503	86,927	125,845	44,501
Terengganu	1,295,514.00	-	-	-	1,257
Keluasan Negeri Yang Mempunyai TRM sehingga 1931	7,155,729.00	845,196	1,274,474	2,422,720	1,757,883
Peratus Keluasan TRM		11.81	17.81	-	-
Keluasan Negeri Yang Mempunyai TRM selepas 1931	12,911,593	-	-	18.76	13.61
Melaka					
P. Pinang	165,100	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada
Keluasan Semenanjung	103,000	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada
Peratus Keluasan TRM	13,179,693	845,196	1,274,474	2,422,720	1,757,883
		-	-	-	13.38

Disesuaikan mengikut Sumber: Ahmad Nazri (1985)

Keenam-enam negeri tersebut mengalami penyusutan kawasan TRM yang amat serius di mana Perlis mengalami penyusutan sebanyak 86.47 peratus; Kedah menyusut sebanyak 84.2 peratus; Negeri Sembilan menyusut sebanyak 83.36 peratus; Selangor menyusut sebanyak 64.64 peratus; Perak menyusut sebanyak 29.04 peratus dan Pahang menyusut 27.08 peratus. Malangnya, tiada maklumat yang telah diperolehi bagi mengenal pasti punca kemerosotan keluasan TRM bagi negeri-negeri tersebut (Ahmad Nazri, 1985). Sungguhpun begitu, berdasarkan statistik tersebut juga, terdapat tiga negeri yang telah menambah keluasan TRM pada tahun 1955 berbanding keluasan tahun 1947 iaitu Johor, Kelantan dan Terengganu. Ahmad Nazri (1985) mendapati Kelantan mencatatkan penambahan TRM tertinggi dengan peningkatan keluasan sebanyak 561.79 peratus, manakala negeri Johor meningkat sebanyak 161.22 peratus. Bagi negeri Terengganu pula, tiada rekod yang dicatatkan bagi keluasan TRM pada tahun 1947, namun pada tahun 1955 ia mempunyai TRM seluas 1,257 hektar.

Selepas kemerdekaan, telah berlaku peningkatan keluasan TRM di negara ini (Bashiran Begum & Nor Asiah, 2007). Berpandukan kepada Jadual 3, keluasan TRM telah meningkat sebanyak 83.24 peratus kepada 3,221,079.48 hektar pada tahun 1983, berbanding 1,757,883 hektar semasa negara mencapai kemerdekaan (Ridzuan Awang, 1994). Keluasan tersebut bersamaan dengan 24.95 peratus daripada keluasan negeri-negeri yang mempunyai ERM. Pada tahun 1998, keluasan TRM terus meningkat sebanyak 36.66 peratus menjadi 4,401,978 hektar, berbanding keluasan tahun 1983 (Nor Asiah & Bashiran Begum, 2009). Peratus keluasan TRM pada tahun tersebut adalah 34.09 peratus iaitu peratus keluasan tertinggi yang pernah dicatatkan. Selanjutnya daripada Jadual 3 juga, dapat dilihat bahawa pada tahun 2002 keluasan TRM telah menyusut sebanyak 18.17 peratus berbanding keluasan tahun 1998. Pada tahun tersebut keluasan TRM adalah 3,724,852.85 hektar (Kasitah Gaddam, 2002) atau bersamaan dengan 28.85 peratus berbanding keluasan negeri-negeri yang mempunyai ERM.

Jadual 3: Keluasan Tanah Rizab Melayu Tahun 1983 – 2002

Negeri	Keluasan Negeri (Hektar)	Keluasan TRM (Hektar) 1983	Keluasan TRM (Hektar) 1998	Keluasan TRM (Hektar) 2002
Johor	1,898,688	221,588.48	327,300	327,373.46
Kedah	942,500	654,150.72	839,400	86,842.62
Kelantan	1,510,462	1,493,765.06	1,477,100	1,492,000
N. Sembilan	665,709	220,741.29	211,600	210,988.46
Pahang	3,596,500	268,474.20	436,100	436,133.98
Perak	2,100,500	168,177.12	876,900	880,158.00
Perlis	79,500	34,120	37,500	37,516.95
Selangor	793,020	158,372.79	179,200	174,837.79
Terengganu	1,295,514	107.69	95	*78,163.08
W/ Persekutuan	29,200	988.29	783	**838.51
Keluasan Negeri-Negeri Yang Mempunyai TRM	12,911,593	3,221,079.48	4,401,978	3,724,852.85
Peratus Keluasan TRM		24.95	34.09	28.85
Melaka	165,100	Tiada	Tiada	Tiada
P. Pinang	103,000	Tiada	Tiada	Tiada
Keluasan Semenanjung	13,179,693	3,221,079.48	4,401,978	3,724,852.85
Peratus Keluasan TRM		24.44	33.39	28.26
Sabah	7,361,900	Tiada	Tiada	Tiada
Sarawak	12,444,900	Tiada	Tiada	Tiada
Labuan	9,200	Tiada	Tiada	Tiada

Keluasan Malaysia	32,973,300	3,221,079.48	4,401,978	3,724,852.85
Peratus Keluasan TRM		9.77	13.35	11.30

Disesuaikan mengikut Sumber: Ridhuan Awang (1994), NorAsiah & Bashiran Begum (2009) & Kasitah Gaddam (2002)

* TRM yang kurang dari 10 ekar ditadbir di bawah ERM Terengganu.

**Eksklusif untuk kawasan Kg. Baru (89 hektar ditadbir di bawah MAS (KL) Rules 1950)

Manakala pada tahun 2005, Jadual 4 menunjukkan bahawa keluasan TRM telah meningkat sebanyak 7.75 peratus di mana keluasan TRM yang dicatatkan adalah 4,013,677.478 hektar (Nor Asiah & Bashiran Begum (2009). Keluasan ini adalah bersamaan dengan 31.08 peratus berbanding keluasan negeri-negeri yang mempunyai ERM. Manakala statistik keluasan TRM pada tahun 2008 pula sebagaimana yang dicatat oleh Shahrom (2013) adalah seluas 4,268,537.23 hektar (Parliamentary session (Dewan Negara), March 2011). Keluasan tersebut menunjukkan peningkatan keluasan TRM sebanyak 6.35 peratus berbanding keluasan tahun 2005. Peratus keluasan TRM berbanding keluasan negeri-negeri yang mempunyai TRM pada tahun 2008 adalah 33.06 peratus.

Seterusnya di dalam Jadual 4 juga menunjukkan bahawa keluasan TRM pada tahun 2009 telah menyusut sebanyak 8.64 peratus kepada 3,899,890.13 hektar (JKPTG/Bahagian Tanah Ukur & Pemetaan, 2009). Keluasan TRM pada ketika itu adalah 30.13 peratus berbanding keluasan negeri-negeri yang mempunyai ERM. Manakala bagi tahun 2013, keluasan TRM di negara ini telah meningkat sebanyak 5.47 peratus kepada 4,113,182.44 hektar berbanding keluasan TRM tahun 2009. Keluasan tersebut adalah bersamaan dengan 31.85 peratus berbanding keluasan negeri-negeri yang menguatkuasakan ERM.

Statistik yang dilaporkan itu menunjukkan wujud situasi menyusut dan menambah keluasan TRM di negara ini. Situasi ini menurut Shahrom (2013), menimbulkan persoalan untuk diketahui tentang keluasan sebenar TRM di dalam setiap negeri-negeri yang menguatkuasakan TRM antara tahun 1983 dan tahun 2013. Menurut beliau juga, persoalan tentang perbezaan yang timbul mungkin disebabkan oleh pembatalan status TRM ataupun terdapat penambahan kawasan TRM yang tidak dapat disahkan pada ketika statistik tersebut dikeluarkan. Pada pandangan beliau, keluasan sebenar TRM di negara ini hanya boleh disahkan setelah kajian komprehensif terhadap statistik keluasan TRM dilaksanakan.

Jadual 4: Keluasan Tanah Rizab Melayu tahun 2008 - 2013

Negeri	Keluasan Negeri (Hektar)	Keluasan TRM (Hektar) 2005	Keluasan TRM (Hektar) 2008	Keluasan TRM (Hektar) 2009	Keluasan TRM (Hektar) 2013
Johor	1,898,688.00	273,096.69	195,262.42	195,262.42	429,386.77
Kedah	942,500.00	868,996.16	868,821.05	868,836.09	600,087.39
Kelantan	1,510,462.00	1,306,205.03	1,493,130.40	1,307,153.40	1,308,686.97
N. Sembilan	665,709.00	244,014.05	240,741.17	161,982.75	225,896.90
Pahang	3,596,500.00	242,743.83	424,743.83	438,491.68	436,910.47
Perak	2,100,500.00	880,158.24	881,366.78	763,666.28	913,981.83
Perlis	79,500.00	37,516.95	37,322.60	37,348.53	37,073.10
Selangor	793,020.00	160,024.90	126,227.34	126,227.34	160,237.35
Terengganu	1,295,514.00	118.21	118.21	118.21	118.21
K. L. & Putrajaya	29,200	803.43	803.43	803.43	803.45
Keluasan Negeri-Negeri Yang Mempunyai TRM	12,911,593	4,013,677.478	4,268,537.23	3,899,890.13	4,113,182.44
		31.08	33.06	30.13	31.85

Peratus Keluasan TRM	103,000	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada
Pulau Pinang Melaka	165,100	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada
Keluasan Semenanjung	13,179,693	4,013,677.478	4,268,537.23	3,899,890.13	4,113,182.44
Peratus Keluasan TRM		30.45	32.39	29.59	31.21
Sabah	7,361,900	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada
Sarawak	12,444,900	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada
Labuan	9,200	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada
Keluasan Malaysia	32,973,300	4,013,677.478	4,268,537.23	3,899,890.13	4,113,182.44
Peratus Keluasan TRM		12.17	12.95	11.80	12.47

Disesuaikan mengikut Sumber: Parliamentary session (Dewan Negara), March 2011: JKPTG 2009 (Bahagian Ukur dan Pemetaan); Mohd Hasrol Haffiz (2013)

Sungguhpun begitu, Nor Asiah & Bashiran (2009) di dalam kajian mereka mengulas bahawa tidak terdapat data yang tepat mengenai keluasan TRM semenjak tahun 1957 hingga 2005. Ia bermungkinan disebabkan oleh pertukaran sifat tanah serta penggantian tanah lain yang tidak mencukupi. Ini membuatkan rakyat tertanya-tanya sama ada jabatan kerajaan yang bertanggung jawab terhadap TRM benar-benar menyedari tentang keluasan sebenar TRM dewasa ini. Selain itu, kajian tersebut juga mendapati bahawa data yang diperolehi daripada Kementerian Sumber Asli bagi keluasan TRM bagi tahun 2005 adalah tidak lengkap dan tidak meliputi seluruh negeri. Pihak kementerian telah gagal menemui data ke atas TRM yang dilupakan serta data mengenai penggantian semula keluasan TRM tersebut. Kekurangan data tepat yang didedahkan berhubung keluasan TRM amatlah dikesali. Menurut mereka rakyat mempunyai hak untuk mendapat maklumat sebenar mengenai keluasan TRM terutamanya terdapat dakwaan yang mengatakan bahawa terdapat TRM yang dibatalkan statusnya tetapi tidak diganti.

Metod Kajian

Kajian ini merupakan kajian analisis kandungan yang melibatkan bahan-bahan yang diperolehi daripada buku, artikel serta dapatan kajian terdahulu. Pendekatan diberikan terhadap penganalisan data statistik berhubung keluasan TRM semasa negara mencapai kemerdekaan sehingga statistik tahun 2013. Ia bertujuan bagi menjelaskan tentang status keluasan TRM yang dikatakan telah menunjukkan trend penyusutan keluasannya. Analisis juga dibuat berdasarkan kepada tiga kumpulan perbandingan peratusan keluasan TRM. Analisis pertama adalah peratusan keluasan TRM berbanding keluasan negeri-negeri yang mempunyai TRM. Analisis kedua adalah peratusan TRM berbanding dengan keluasan semenanjung Malaysia dan analisis ketiga adalah peratusan keluasan TRM berbanding keluasan negara (termasuk Sabah dan Sarawak). Analisis peratusan tersebut memberikan tiga jawapan berbeza berhubung peratusan keluasan TRM yang dikatakan sebagai telah mengalami kepupusan.

Analisis Peratusan Keluasan TRM Sehingga Tahun 2013

Di dalam memperoleh jawapan yang tepat bagi peratus keluasan TRM di negara ini, pengkaji telah menganalisis statistik keluasan TRM berdasarkan tiga perbandingan keluasan iaitu keluasan tanah negeri-negeri yang mempunyai TRM (12,911,593 hektar); keluasan semenanjung Malaysia (13,179,693 hektar) dan; keluasan seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak (32,973,300 hektar). Ketiga-tiga hasil analisis tersebut telah diringkaskan sebagaimana di Jadual 5.

Jadual 5: Peratusan keluasan Tanah Rizab Melayu mengikut analisis A, B dan C

Tahun	Keluasan TRM (Hektar)	Peratus A	Peratus B	Peratus C
1955	1,757,883	13.61	13.38	-
1983	3,221,079.48	24.95	24.44	9.77
1998	4,401,978	34.09	33.39	13.35
2002	3,724,852.85	28.85	28.26	11.30
2005	4,013,677.478	31.08	30.45	12.17
2008	4,268,537.23	33.06	32.39	12.95
2009	3,899,890.13	30.13	29.59	11.80
2013	4,113,182.44	31.85	31.21	12.47

Disesuaikan dengan statistik keluasan TRM dari tahun 1955 hingga 2013.

A = peratus keluasan TRM berbanding keluasan negeri yang mempunyai ERM

B = peratus keluasan TRM berbanding keluasan Semenanjung Malaysia

C = peratus keluasan TRM berbanding keluasan Malaysia

Peratus TRM berbanding keluasan negeri-negeri yang mempunyai TRM

Keluasan semua negeri-negeri yang menguatkuasakan ERM adalah 12,911,593 hektar. Semasa negara sedang menuju kemerdekaan, keluasan TRM yang direkodkan pada tahun 1955 oleh Jabatan Tanah dan Galian Malaysia adalah seluas 1,757,883 hektar. Keluasan tersebut adalah bersamaan dengan 13.61 peratus berbanding keluasan negeri-negeri yang mempunyai TRM. Statistik yang direkodkan oleh jabatan yang sama pada tahun 1983 menunjukkan bahawa keluasan TRM telah meningkat kepada 3,221,079.48 hektar. Ia merupakan peningkatan sebanyak 83.24 peratus berbanding keluasan asal TRM semasa sebelum mencapai kemerdekaan. Analisis peratusan mendapati peratus keluasan TRM di negara ini pada tahun 1983 telah meningkat sebanyak 11.35 peratus kepada 24.95 peratus.

Statistik keluasan TRM pada tahun 1998 pula menunjukkan bahawa keluasan TRM meningkat kepada 4,401,978 hektar. Ia merupakan peningkatan sebanyak 36.66 peratus berbanding saiz TRM pada tahun 1983. Analisis peratusan yang dibuat mendapati peratus keluasan TRM pada tahun 1998 adalah 34.09 peratus. Peratus keluasan tersebut telah meningkat sebanyak 9.14 peratus berbanding peratusan tahun 1985. Manakala keluasan TRM yang direkodkan pada tahun 2002 pula adalah seluas 3,724,852.85 hektar. Keluasan tersebut telah menyusut 18.17 peratus berbanding keluasan TRM pada tahun 1998. Analisis peratus keluasan TRM mendapati peratus keluasan TRM pada tahun 2002 adalah 28.85 peratus iaitu susut sebanyak 5.24 peratus.

Selanjutnya, statistik keluasan TRM pada tahun 2005 pula telah menunjukkan peningkatan keluasan TRM di negara ini. Pada tahun tersebut, keluasan TRM yang direkodkan adalah seluas 4,013,677.478 hektar iaitu peningkatan sebanyak 7.75 peratus. Keluasan tersebut adalah bersamaan dengan 31.08 peratus iaitu peningkatan sebanyak 2.23 peratus berbanding peratusan tahun 2002. Manakala statistik keluasan TRM pada tahun 2008 pula mencatatkan 4,268,537.23 hektar iaitu peningkatan sebanyak 6.35 peratus berbanding keluasan TRM pada tahun 2005. Pada tahun 2008 ini, analisis peratusan keluasan TRM mendapati peratus keluasan TRM telah meningkat sebanyak 1.98 peratus kepada 33.06 peratus berbanding dengan keluasan negeri-negeri yang mempunyai TRM.

Pada tahun 2009, keluasan TRM kembali menyusut sebanyak 8.64 peratus menjadi 3,899,890.13 hektar berbanding statistik tahun 2008. Analisis mendapati peratus keluasan TRM di negara ini pada

tahun tersebut telah menyusut sebanyak 2.93 peratus kepada 30.13 peratus berbanding dengan keluasan negeri-negeri yang mempunyai TRM. Akhir sekali analisis keluasan TRM pada tahun 2013 menunjukkan peningkatan keluasan TRM sebanyak 5.47 peratus berbanding keluasan tahun 2009 kepada 4,113,182.44 hektar. Peratus keluasan TRM pada tahun ini menunjukkan peningkatan sebanyak 1.72 peratus kepada 31.85 peratus berbanding peratus tahun 2009.

Peratus TRM berbanding keluasan Semenanjung Malaysia

Kesemua negeri di semenanjung Malaysia mempunyai TRM kecuali Melaka dan Pulau Pinang. Keluasan keseluruhan semenanjung Malaysia adalah 13,179,693 hektar (Jabatan Ketua Pengarah Tanah & Galian / Bahagian Tanah Ukur & Pemetaan, 2009 dalam Nor Asiah & Bashiran Begum, 2009). Pada tahun 1955, keluasan TRM yang dicatatkan adalah 1,757,883 hektar. Ini menunjukkan bahawa semasa negara menuju kemerdekaan, peratus keluasan TRM berbanding keluasan semenanjung Malaysia adalah sebanyak 13.34 peratus sahaja. Statistik keluasan TRM pada tahun 1983 menunjukkan peningkatan sebanyak 83.24 peratus menjadi 3,221,079.48 hektar. Peratus keluasan TRM telah meningkat sebanyak 11.10 peratus menjadi 24.44 peratus berbanding keluasan semenanjung Malaysia.

Manakala statistik keluasan TRM pada tahun 1998 telah menunjukkan peningkatan yang banyak iaitu sebanyak 36.66 peratus menjadi 4,401,978 hektar. Ini menjadikan peratus keluasan TRM berbanding keluasan semenanjung Malaysia adalah 33.39 peratus dan ia merupakan peningkatan peratusan sebanyak 9.14 peratus. Namun begitu statistik keluasan TRM pada tahun 2002 menunjukkan kemerosotan keluasan TRM sebanyak 18.17 peratus menjadi 3,724,852.85 hektar. Hasil analisis menunjukkan bahawa peratus keluasan TRM telah menyusut sebanyak 5.13 peratus menjadi 28.26 peratus. Pada tahun 2005, sekali lagi keluasan TRM kembali meningkat di mana keluasan yang dicatatkan adalah 4,013,677.478 hektar iaitu peningkatan keluasan sebanyak 7.75 peratus. Keluasan tersebut mewakili 30.45 peratus daripada keseluruhan kawasan semenanjung Malaysia. Peratus keluasan tersebut didapati meningkat sebanyak 2.19 peratus.

Keluasan TRM di negara ini terus meningkat pada tahun 2008. Pada ketika ini, jumlah keluasan TRM yang dicatatkan adalah 4,268,537.23 hektar iaitu peningkatan sebanyak 6.35 peratus berbanding tahun 2005. Analisis peratusan TRM berbanding keluasan semenanjung Malaysia mendapati peratus keluasan TRM pada tahun tersebut adalah 32.39 peratus, iaitu penambahan sebanyak 1.94 peratus. Pada tahun 2009 keluasan TRM telah menyusut sebanyak 8.64 peratus menjadi 3,899,890.13 hektar. Keluasan tersebut adalah bersamaan dengan 29.59 peratus dan ini menunjukkan peratus keluasan telah menyusut sebanyak 2.80 peratus berbanding tahun 2008. Akhir sekali statistik keluasan TRM menunjukkan bahawa keluasan TRM pada tahun 2013 telah meningkat sebanyak 5.47 peratus menjadi 4,113,182.44 hektar. Hasil analisis peratusan mendapati bahawa peratus keluasan tersebut adalah bersamaan dengan 31.21 peratus, iaitu peningkatan sebanyak 1.62 peratus.

Peratus TRM berbanding dengan keluasan seluruh Malaysia

Semasa negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, Sabah dan Sarawak masih belum menyertai Malaysia. Penyertaan kedua-dua negeri tersebut pada tahun 1963 telah menambahkan lagi keluasan tanah negara ini kepada 32,973,300 hektar (Jabatan Statistik, Laporan Tahunan Perangkaan Malaysia, 1998 – diambil daripada Nor Asiah & Bashiran Begum, 2009). Disebabkan penambahan keluasan negara, maka peratusan TRM jika dibandingkan dengan keluasan seluruh negara sememangnya menjadi lebih kecil daripada kedua-dua dapatan analisis di atas. Berdasarkan keluasan TRM yang di catatkan bagi tahun 1983, keluasan TRM adalah 3,221,079.48 hektar yang mana peratus keluasan tersebut hanya tinggal 9.77 peratus sahaja berbanding keluasan seluruh negara. Pada tahun 1998 keluasan TRM telah meningkat kepada 4,401,978 hektar. Keluasan tersebut bersamaan dengan 13.35 peratus berbanding keluasan Malaysia.

Keluasan TRM pada tahun 2002 telah menyusut kepada 3,724,852.85 hektar iaitu bersamaan dengan 11.30 peratus. Statistik keluasan TRM pada tahun 2005 telah menunjukkan peningkatan keluasan TRM kepada 4,013,677.478 hektar. Analisis peratusan yang dibuat menunjukkan bahawa pada tahun 2005

ini, peratus keluasan TRM adalah 12.17 peratus. Selepas itu, statistik keluasan TRM pada tahun 2008 juga telah menunjukkan sedikit peningkatan. Pada tahun tersebut, keluasan TRM adalah 4,268,537.23 hektar iaitu bersamaan dengan 12.95 peratus. Setahun selepas itu, keluasan TRM telah menyusut kepada 3,899,890.13 hektar. Analisis peratus keluasan TRM mendapati keluasan tersebut mewakili 11.80 berbanding keluasan negara. Akhir sekali dapat dilihat bahawa keluasan TRM pada statistik tahun 2013 menunjukkan sedikit peningkatan keluasan kepada 4,113,182.44 hektar. Keluasan tersebut merupakan 12.47 peratus daripada keluasan Malaysia.

Perbincangan dan Cadangan

Di dalam membincangkan isu keluasan TRM ini, statistik keluasan TRM yang dikeluarkan oleh pihak-pihak berwajib dan telah di terbitkan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu diguna pakai untuk dianalisis. Namun begitu, bagi keluasan TRM tahun 2009 telah terdapat percanggahan data keluasan TRM di negara ini. Umpamanya, statistik keluasan TRM tahun 2009 sebagaimana yang dicatatkan oleh Jabatan Ketua Pengarah Tanah & Galian / Bahagian Tanah Ukur & Pemetaan (2009) adalah 3,899,890.13 hektar iaitu bersamaan dengan 30.2 peratus. Peratusan tersebut adalah berdasarkan perbandingan yang dibuat dengan keluasan negeri-negeri yang mempunyai TRM. Sebaliknya, laporan Utusan Malaysia (17 September, 2014) memetik pandangan seorang ahli akademik bahawa TRM di negara ini hanya tinggal 1.57 juta hektar pada tahun 2009 iaitu bersamaan dengan 11.99 peratus. Manakala seorang lagi pengkaji mendakwa keluasan TRM pada tahun tersebut adalah sekitar 1,578,263.91 hektar iaitu bersamaan dengan 11.9 peratus (Sinar online, 23 September, 2015). Hakikat sebenar tentang keluasan TRM pada tahun 2009 tersebut perlu dirujuk kepada statistik yang dikeluarkan oleh JKPTG/Bahagian Tanah Ukur & Pemetaan (2009). Perbezaan ketara tentang keluasan TRM sebagaimana yang didakwa oleh sesetengah pihak, berbanding dengan statistik yang dikeluarkan oleh agensi kerajaan tersebut menimbulkan persoalan yang memerlukan penjelasan daripada pihak-pihak terbabit bagi mengelakkan kekeliruan yang berpanjangan dalam kalangan orang Melayu.

Hasil analisis yang dijalankan ke atas keluasan TRM di negara ini, kajian mendapati bahawa keluasan TRM kian meningkat jika dibandingkan dengan keluasan asal TRM semasa negara mencapai kemerdekaan. Di sini jelas menunjukkan bahawa selepas negara memperoleh kemerdekaan, kebanyakan kerajaan negeri telah berusaha untuk menambah keluasan TRM di negeri masing-masing. Usaha-usaha yang dijalankan itu adalah bertepatan dengan amanat atau wasiat raja-raja Melayu yang mahukan keluasan TRM di negara ini mencapai 50 peratus. Sungguhpun begitu, dari tempoh tahun 1957 hingga tahun 2013, tidak dinafikan telah wujud momentum turun dan naik keluasan TRM tersebut. Ia berkemungkinan disebabkan oleh tindakan pengambilan tanah oleh kerajaan untuk pembangunan ekonomi negara, selaras dengan kepesatan pembangunan ekonomi global.

Namun begitu, amalan pengambilan tanah oleh kerajaan untuk kepentingan awam sebagaimana yang diperuntukkan dibawah APT 1960 ini didapati tidaklah secara serius menjejaskan keluasan TRM di negara ini. Perkara ini disahkan oleh Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar yang menegaskan bahawa TRM yang diambil untuk pembangunan ekonomi dan untuk kepentingan awam telah diganti oleh kerajaan di tempat-tempat yang tidak diketahui umum (Bernama, 26 Mei 2016). Selain daripada itu adalah amat sukar untuk berlakunya kes-kes TRM dijual atau digadaikan kepada orang bukan Melayu selepas pindaan dibuat ke atas ERM 1913 hingga ke masa kini. Ini kerana status TRM dilindungi sepenuhnya daripada terlibat dengan penjualan atau penggadaian tanah kepada bangsa asing oleh ERM 1913 serta Enakmen Rizab Melayu (ERM) negeri-negeri berkenaan. Sekiranya berlaku juga kes-kes seperti itu, ia merupakan kes terpencil yang mungkin disebabkan wujudnya penipuan serta kelemahan di dalam penguatkuasaan ERM di negeri-negeri terbabit.

Penggantian tanah oleh kerajaan apabila tindakan pengambilan balik TRM setakat ini dilihat tidak menjejaskan keluasan TRM. Ini kerana pada tahun 2013 peratus keluasan TRM terus meningkat kepada 31.85 peratus. Peratusan yang diperolehi adalah berdasarkan perbandingan yang dibuat dengan keluasan negeri-negeri yang dari asalnya mempunyai TRM. Di dalam usaha memperoleh peratus yang tepat maka adalah tidak wajar untuk membandingkan keluasan TRM dengan keluasan semenanjung Malaysia ataupun seluruh negara. Ini kerana TRM hanya diwujudkan oleh British di semua negeri di

semenanjung Malaysia kecuali Melaka dan Pulau Pinang, serta tidak termasuk Sabah, Sarawak dan Labuan. Kenyataan-kenyataan berhubung kepupusan TRM di negara ini dengan mengambil peratus keluasan TRM yang dibandingkan dengan keluasan seluruh Malaysia adalah amat tidak tepat dan mengelirukan. Ia juga telah menimbulkan keresahan dalam kalangan orang Melayu berhubung masa depan TRM yang dikatakan mengalami kepupusan.

Di samping itu, sungguhpun terdapat dakwaan wujudnya trend penyusutan keluasan TRM di negara ini, namun analisis yang dijalankan mendapati bahawa dakwaan tersebut adalah ternyata meleset dan kurang tepat. Kajian yang dijalankan ini menunjukkan bahawa sejak dari tahun 1955 hingga 2013, statistik keluasan TRM menunjukkan momentum menambah dan mengurang dari masa ke semasa. Momentum turun naik tersebut tidak wajar dimuktamadkan sebagai berlakunya kepupusan TRM. Ini terbukti melalui angka statistik yang dikeluarkan oleh pihak berwajib yang menunjukkan terdapat peningkatan keluasan TRM untuk tahun 1983 dan tahun 1998. Namun begitu, keluasan tersebut telah menyusut pada tahun 2002 dan kembali meningkat pada tahun 2005 dan 2008. Keadaan yang sama berlaku pada tahun 2009 dan 2013 di mana telah berlaku penyusutan keluasan TRM pada tahun 2009 tetapi kemudiannya telah menunjukkan penambahan pada tahun 2013. Situasi turun naik keluasan TRM tersebut tidak boleh dianggap sebagai trend penyusutan kerana keluasan TRM tidak berterusan menyusut semenjak negara mencapai kemerdekaan. Perbandingan peratus keluasan TRM pada tahun 1955 (13.61 peratus) dan tahun 2013 (31.85 peratus) dengan jelas membuktikan bahawa tidak wujud trend penyusutan keluasan TRM di negara ini.

Sungguhpun begitu, wasiat raja-raja Melayu yang mahukan keluasan TRM mencapai 50 peratus masih belum kesampaian. Hasrat tersebut akan terus terkubur sekiranya perbandingan dibuat dengan keluasan seluruh negara (32,973,300 hektar). Di dalam isu ini, andai kata seluruh semenanjung Malaysia ini dijadikan TRM sekalipun, harapan raja-raja Melayu tersebut tidak akan kesampaian. Ini kerana keluasan seluruh semenanjung Malaysia hanyalah 39.16 peratus sahaja daripada keluasan seluruh negara. Sebaliknya sekiranya peratusan tersebut dibuat perbandingan dengan keluasan negeri-negeri di semenanjung Malaysia yang mempunyai TRM sahaja (tidak termasuk Melaka dan Pulau Pinang), maka harapan tersebut masih tidak mustahil untuk dicapai.

Oleh yang demikian, usaha yang serius perlu dijalankan oleh kerajaan negeri-negeri yang masih berpeluang menambahkan keluasan TRM di negara ini. Antara negeri-negeri yang dikenal pasti masih berupaya menambah keluasan TRM adalah Terengganu, Pahang, Perlis, Johor, Selangor, Negeri Sembilan dan Perak. Di samping itu usaha yang gigih untuk menambah kawasan TRM perlu dilaksanakan oleh tiga buah negeri yang memiliki peratus keluasan TRM yang paling rendah iaitu Terengganu (0.0006 peratus), Pahang (12.19 peratus) dan Selangor (15.92 peratus). Di dalam hubungan ini, seandainya negeri-negeri pantai timur, iaitu Terengganu dan Pahang mengikuti jejak Kelantan dengan mewartakan hampir 90 peratus negeri tersebut sebagai TRM, maka hasrat raja-raja Melayu untuk mencapai 50 peratus keluasan TRM di negara ini akan mudah tercapai.

Di dalam usaha menambahkan keluasan TRM ini, negeri Johor merupakan satu-satunya negeri yang membenarkan pemilik tanah terbuka di negeri itu menukar status tanah mereka kepada TRM. Ia termaktub di dalam Seksyen 6 Enakmen Rizab Melayu Johor yang membenarkan pewartaan sebagai TRM oleh individu pemilik tanah. Tindakan seperti ini sepatutnya dicontohi oleh negeri-negeri lain bagi memperkasakan lagi peluang mencapai sasaran keluasan 50 peratus TRM di negara ini. Sekiranya terdapat peruntukan yang sama di dalam ERM negeri-negeri lain, besar kemungkinan proses memperbesarkan lagi keluasan TRM di negara ini akan menjadi lebih mudah dan cepat, terutama bagi orang Melayu yang mempunyai kesedaran yang tinggi terhadap peri pentingnya kewujudan TRM kepada bangsa Melayu.

Selain itu, kekeliruan berhubung dengan status keluasan TRM di negara ini dapat dielakkan melalui penubuhan satu agensi khusus di peringkat kebangsaan untuk menjaga dan mengawal kepentingan TRM. Agensi berkenaan bertanggungjawab membuat kajian berhubung keluasan TRM bagi tiap-tiap negeri setiap dua tahun serta menyimpan rekod-rekod berhubung keluasan sebenar TRM dari masa ke semasa. Agensi ini juga perlu diberi tanggungjawab untuk mengenal pasti kawasan TRM yang berdaya maju untuk dibangunkan serta bertindak sebagai badan penyelia dan pengawal ke atas semua projek

pembangunan yang dijalankan ke atas TRM di seluruh negara. Ia juga perlu mempunyai hubungan yang baik dengan setiap kerajaan negeri dalam usaha memudahkan urusan berkaitan pembangunan TRM. Ini kerana semua urusan mengenai tanah adalah hak mutlak kerajaan negeri.

Di samping itu agensi tersebut juga perlu di beri kuasa untuk memantau penggantian semula TRM yang diambil oleh mana-mana kerajaan negeri. Di dalam usaha menjayakan peranan yang dimainkan oleh agensi ini, setiap jabatan kerajaan yang berkaitan dengan tanah, perlu memberikan kerjasama penuh kepada agensi ini. Koordinasi yang baik antara agensi ini dengan jabatan kerajaan serta agensi lain yang terlibat dengan pentadbiran TRM sangat perlu diperkukuhkan demi kebaikan masa depan TRM di negara ini. Agensi ini juga akan berupaya merungkai sebarang kekeliruan yang timbul berkaitan keluasan sebenar TRM dan berupaya meningkatkan martabat TRM di negara ini.

Kesimpulan

Kajian yang dijalankan ini dengan jelas mendapati bahawa tidak berlakunya trend penyusutan keluasan TRM di negara ini sebagaimana yang didakwa oleh sesetengah pihak. Apa yang berlaku adalah wujudnya peningkatan dan penyusutan keluasan TRM bagi tahun-tahun tertentu. Keadaan ini berlaku disebabkan oleh proses pembatalan status TRM oleh kerajaan negeri, proses pengambilan tanah oleh kerajaan negeri untuk kepentingan awam serta proses penggantian semula tanah yang telah diambil itu. Proses penggantian semula tanah yang diambil oleh kerajaan kadangkala mengambil masa yang lama dan ini menyebabkan berlaku penyusutan mendadak keluasan TRM bagi tahun-tahun tertentu.

Selain itu, dakwaan sesetengah pihak bahawa TRM kian pupus adalah ternyata tidak tepat dan mengelirukan. Ini terbukti melalui analisis yang dijalankan dalam kajian ini yang menunjukkan bahawa peratus keluasan TRM yang terkini (tahun 2013) adalah jauh lebih tinggi daripada peratus keluasan TRM semasa ia mula diperkenalkan, waima jika dibandingkan dengan peratus keluasan TRM semasa negara di ambang kemerdekaan. Di dalam hubungan ini, adalah tidak tepat sekiranya peratus keluasan TRM dimuktamadkan melalui perbandingan dengan keluasan seluruh negara kerana dengan berbuat demikian, peratus yang diperolehi tidak menunjukkan situasi tepat berhubung peratus keluasan TRM di negara ini. Selain mengelirukan, ia juga akan menyebabkan keresahan dalam kalangan orang Melayu yang mempunyai sentimen yang tinggi terhadap isu-isu yang dihadapi oleh TRM, terutama perkara yang membabitkan 'kehilangan' kawasan TRM. Peratusan terkini TRM sebagaimana dapatan kajian ini akan dapat memberikan semangat baru dalam usaha menambahkan keluasan TRM di negara ini sehingga mencapai 50 peratus sebagaimana yang diwasiatkan oleh raja-raja Melayu.

Rujukan

- Ahmad Nazri Abdullah. (1985). Undang-undang Tanah Simpanan Melayu. In K. K. Kim (Ed.), *Sejarah masyarakat Melayu moden*. Kuala Lumpur: Jabatan Penerbitan Universiti Malaya.
- Akta Pengambilan Tanah (1960).
- Asiah Othman *et al.* (2006). *Implikasi Pencerobohan Tanah Kerajaan. Kajian Kes: Bandaraya Johor Bahru*. Johor Bahru: Laporan Akhir Penyelidikan Jangka Pendek.
- Azima Abdul Manaf *et al.* (2015). Faktor penghalang pembangunan tanah rizab Melayu. *Malaysian Journal of Society and Space* 11, 8, 100-109.
- Bashiran Begum Mobarak Ali & Nor Asiah Mohamad. (2007). The 'red-ink grants': The Malays and the land. *IIUM Law Journal*, 15, 2, 279-283.
- Bernama (26 Mei 2016).
- BH online (12 Januari, 2016).
- Enakmen Rizab Melayu Johor (1936).
- Frankema, E. H. (2006). *The colonial roots of Latin American land inequality in a global comparative perspective: Factor endowments or political economy?* Center for the Evolution of the Global Economy. Groningen: University of Groningen.
- Gomez, E.T. (2003). Capital development in Malaysia. In: Proceedings of CEDER Conference, Kuala Lumpur, Malaysia. 2003, 71-140.

- Hamzah Jusoh *et al.* (2013). Development process and its implication on the native land ownership. *Asian Social Science*, 9, 14.
- Ismail Omar. (2015). Enterprizing indigenous land in Kuala Lumpur: Constraining factors of Malay reservation Land. *International Journal of Trade & Global Business Perspectives*© Pezzottaite Journals, 4, 2, 1635-1641.
- Jabatan Ketua Pengarah Tanah & Galian Persekutuan (JKPTG).
- Jabatan Ketua Pengarah Tanah & Galian / Bahagian Tanah Ukur & Pemetaan (2009).
- Jabatan Statistik, Laporan Tahunan Perangkaan Malaysia (1998).
- Kasitah Gadam. (2002). Pemilikan dan penguasaan tanah oleh orang Melayu. *Jurnal Tanah*, 3.
- Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (2009).
- Mohd Hasrol Haffiz Aliasak. (2008). *Sikap dan mentaliti masyarakat Melayu terdahulu terhadap pemilikan tanah*. Perak: Universiti Teknologi Mara.
- Mohd Hasrol Haffiz Aliasak. (2013). Tanah Rizab Melayu: Sejarah dan cabaran. <https://ptg.perak.gov.my>. Retrieved February 15, 2018.
- Muhammad Said Abd. Kadir. (1995). *Siri kefahaman Akta Pengambilan Tanah, 1960: Prinsip-Prinsip Jadual Pertama*. Kuala Lumpur: Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi.
- N9Kini (27 Oktober, 2015).
- Nik Abdul Rashid Nik Abdul Majid. (1993). Malay reservation land: Concepts. Malay reservation land: A development perspective. *Buletin INSPEN*, 8, 4, p.3.
- Noor 'Ashikin Hamid *et al.* (2011). Pengambilan tanah bagi pembangunan ekonomi: Isu dan penyelesaian. *Jurnal Undang-undang & Masyarakat* 15, 135-148
- Nor Asiah Mohamad & Bashiran Begum Mobarak Ali. (2009). The prospects and challenges of Malay Reservation Land in the 21st. century. *Malaysian Journal of Real Estate*, 4 (2), 4-6.
- Parliamentary session-Dewan Negara (March 2011).
- Pejabat Tanah dan Galian negeri Perak (PTG Perak)
- Perak Hari Ini (9 Disember 2015).
- Ruslin Hassan. (1993). Pembangunan Tanah Rizab Melayu: Kajian Kes Kg. Bharu. Seminar Tanah Rizab Melayu - Perspektif Pembangunan. Anjuran Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta, Kementerian Kewangan Malaysia.
- Shal, V. (2003). Environment, development and indigenous people – Belize. *Indigenous Rights in the Commonwealth Caribbean and Americas Regional Expert Meeting*. Guyana: Amerindian People's Association.
- Salleh Buang. (2004). *Questions over Malay Reserve Lands*. Retrieved February 15, 2018, from http://www.hba.org.my/articles/salleh_buang/2004
- Salleh Buang. (2003). Kanun Tanah Negara 1965 dan pelbagai undang-undang berkaitan tanah: Satu tinjauan. Seminar Land Administration and Legislations for District Officers/Land Administrators in Peninsular Malaysia. Kuala Lumpur.
- Salleh Buang. (2007). *Malaysian Torrens System* (2nd ed.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shahrom Md. Ariffin. (2013). Malay reservation land: Unleashing a century of trust. *International Surveying Research Journal*, 3, 2, 6.
- Sinar online (23 September, 2015).
- Tengku Hadi TI. (1996). Langkawi: *The Hub of the Indonesia, Malaysia, Thailand growth triangle*. Petaling Jaya, Selangor: Pelanduk Publications.
- Utusan Malaysia (17 September, 2014).
- Voon Phin-Keong. (1976). Malay reservations and Malay land ownership in Semenyih and Ulu Semenyih Mukims, Selangor. *Journal of Modern Asian Studies*, 10 (4), 509-523.